

# Kerajaan sanggup terima dan kerjasama dengan NGO - PM

KUALA LUMPUR 8 Sept. — Kerajaan menerima penyertaan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sedia bekerjasama dengannya, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri memberitahu, NGO mempunyai peranan yang berkesan kerana mempunyai hubungan-hubungan yang berguna untuk menyatakan pendirian negara kepada pihak di luar negara.

"Sebab itu, kita jemput me-

reka dalam seminar ini, dulu mereka musuh ketat kita dan kita tak pandang langsung," tegasnya pada seminar kebangsaan mengenai Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di sini petang ini.

Bercakap selepas melancarkan buku: *Marine Heritage of Malaysia*, terbitan PETRONAS, Dr. Mahathir berkata, "kini ada persefahaman di antara NGO dan kerajaan kerana ia boleh memainkan peranan penting.

"Kalau negara-negara lain takut untuk buat kenyataan yang menyinggung perasaan tetapi NGO tak takut pada sesiapa. Jadi, kita boleh gunakan NGO untuk sampaikan mesej kita kepada negara-negara maju."

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan bahawa terdapat NGO khususnya di luar negara yang mempunyai pendirian fanatik terhadap alam sekitar seperti mana terdapat fanatik dalam agama.